



PENDEKATAN KEMAHIRAN KOMUNIKASI PENDAKWAH PROFESIONAL

[APPROACH TO COMMUNICATION SKILLS OF PROFESSIONAL PREACHERS]

IBTISAM IBRAHIM¹ & BERHANUNDIN ABDULLAH¹

^{1*} Pusat Pengajian Dakwah dan Peradaban Islam, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 43600 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA.
E-Mail: berhan@unisza.edu.my; ibtisam.ibtasim@gmail.com

Correspondent Email: berhan@unisza.edu.my

Received: 11 October 2023

Accepted: 20 October 2023

Published: 11 November 2023

Abstrak: Dakwah merupakan satu usaha penyebaran ajaran Islam yang berasaskan kepada *maudhu'* utama ialah mentauhidkan Allah SWT. Pelaksanaan dakwah bergantung kepada kebijaksanaan pendakwah dalam memberi penyampaian lebih berkesan bersesuaian dengan kumpulan sasar. Pendakwah yang memiliki bakat serta kemahiran tertentu dikenali sebagai pendakwah professional. Pendakwah professional yang memiliki kemahiran yang banyak dalam pendekatan dakwah tidak boleh mengasingkan diri daripada kemahiran komunikasi. Perkembangan semasa dunia teknologi dan penyiaran kini menuntut peningkatan kemahiran komunikasi dalam kalangan pendakwah professional. Bagaimanapun, aspek kemahiran komunikasi merupakan suatu hal yang rumit bagi pendakwah apabila mereka tidak melalui satu latihan, pengalaman atau proses pendidikan. Tujuan artikel ini adalah untuk memperincikan beberapa aspek penting berkaitan komunikasi dakwah. Pertamanya, kemahiran Bahasa merupakan elemen utama dalam membina hubungan dan interaksi dengan *mad'u*. Bahasa budaya sesuatu bangsa akan lebih menarik dalam penyampaian untuk mengekalkan kefahaman dan pengetahuan. Teknik penyampaian juga merupakan elemen kedua pentingnya yang menunjukkan keyakinan dan kesungguhan pendakwah dengan penuh gaya dan teknik yang menarik. Ketiga ialah kemahiran penggunaan media sosial yang sangat pantas berkembang dengan persembahan tulisan, video, ucapan pendek, kata-kata mutiara dan pelbagai lagi termasuk nukilan peristiwa bersejarah dan menarik berkaitan dengan Islam. Keempatnya ialah kemahiran pergaulan dan hubungan interpersonal yang dapat mengeratkan hubungan seharian dalam melaksanakan ibadat. Kemahiran ini memerlukan bentuk penampilan diri yang dapat mempengaruhi perkembangan semasa pergaulan. Secara ringkasnya, kemahiran komunikasi dapat membantu mengangkat kedudukan atau martabat profesional pendakwah dalam usaha menarik minat *mad'u* menerima dakwah secara terbuka.

Kata kunci: komunikasi, kemahiran dakwah, pendidikan, pendakwah profesional.

Abstract: Dakwah is an effort to spread the teachings of Islam based on the main objective of monotheizing Allah SWT. The implementation of dakwah depends on the wisdom of the preacher in delivering more effective messages tailored to the target audience. Preachers who possess certain talents and skills are known as professional preachers. Professional preachers with a variety of skills in the approach to dakwah cannot separate themselves from communication skills. The current development

in technology and broadcasting demands an improvement in communication skills among professional preachers. However, the aspect of communication skills is a complex matter for preachers if they do not undergo training, experience, or an educational process. The purpose of this article is to detail some important aspects related to dakwah communication. Firstly, language skills are a crucial element in building relationships and interactions with the audience. The cultural language of a nation is more appealing in conveying the message to maintain understanding and knowledge. Presentation techniques are also the second crucial element, showing the preacher's confidence and sincerity with a captivating style and technique. The third is the skill of using social media, which is rapidly evolving with the presentation of writings, videos, short speeches, aphorisms, and various others, including excerpts of historical and interesting events related to Islam. The fourth is the skill of socialization and interpersonal relationships that can strengthen daily relationships in carrying out worship. This skill requires a form of self-presentation that can influence current developments in social interactions. In summary, communication skills can help elevate the position or status of professional preachers in the effort to attract the audience to accept dakwah openly.

Keywords: Communication, dakwah skills, education, professional preachers

Cite This Article:

Ibtisam Ibrahim¹ & Berhanundin Abdullah. 2023. Pendekatan Kemahiran Komunikasi Pendakwah Profesional [Approach to Communication Skills of Professional Preachers]. *International Journal of Contemporary Education, Religious Studies and Humanities (JCERAH)*, 3(3), 41-52.

PENGENALAN

Kajian ini adalah kajian berkaitan dengan pendekatan dakwah berkesan yang dibicarakan dalam *manhaj dakwah*. Fokus utama adalah tertumpu kepada rukun pertama yang dibahaskan dalam konteks ilmu dakwah, iaitu pendakwah dan kemahirannya dalam aspek komunikasi. Secara lebih khusus, ia berhasrat mengenal pasti sejauh mana kemahiran komunikasi menjadi elemen penting dalam ruang lingkup perbahasan profesionalisme seorang pendakwah. Kemahiran komunikasi ini dijadikan satu elemen penting untuk dianalisis dan seterusnya menjadi hasil yang dapat menjelaskan lagi kedudukan sebenar ilmu komunikasi bagi seseorang pendakwah profesional. Pendakwah hendak melalui proses pendidikan yang mantak dengan latihan dan ujian sehingga memperoleh pengalaman baharu dalam usaha menarik kumpulan sasar mengenali Islam dan menghayatinya.

KOMUNIKASI PENDAKWAH

Pendakwah dalam konteks ilmu dakwah merupakan insan yang berperanan besar untuk menyebarkan ajaran Islam kepada masyarakat ('Abd al-Karim Zaydan, 2002). Secara asasnya, peranan pendakwah ini sebenarnya termasuk dalam tanggungjawab seorang mukmin kepada Allah SWT (Abu Maswah Nasih, 2009; Nik Siti Khadijah Nik Salleh, 2015). Kebolehan pendakwah yang mampu menyampaikan maklumat dengan cara yang betul dan sesuai dengan penerimaan sasaran menunjukkan berlaku kelangsungan sempurna dalam proses komunikasi dan penyampaian dakwah. Ini kerana pada asasnya, pendakwah adalah penyeru kepada perkara-perkara kebaikan. Malah dalam konteks ilmu komunikasi ia juga difahami sebagai komunikator, iaitu seseorang yang berkemahiran dalam menyampaikan mesej dakwah dengan

pelbagai cara dan bahasa (Toto Tasmara, 1997). Dengan lebih tepat, merupakan seorang pengantara yang mampu menyampaikan mesej dakwah dengan cara yang profesional, agar pengajaran yang disampaikan dapat diterima baik oleh masyarakat (Jalal et al., 2018). Dalam masa yang sama Islam menuntut setiap insan untuk mencapai keperluan kualiti hidup yang mempengaruhi kehidupan masa hadapan (Norizan, 2019). Dengan itu, dakwah memainkan peranan untuk mengembalikan kualiti hidup yang membawa kepada kebahagiaan.

Zulkiple Abd. Ghani (2003) dan Fuziah Kartini Hasan Basri (1989) juga begitu jelas menghuraikan bagaimana sepatutnya aspek komunikasi ini perlu diimplementasikan dalam diri seorang pendakwah. Jelasnya, pendakwah perlu bijak memanfaatkan prasarana komunikasi secara maksimum dan menjadikannya sebagai satu kaedah yang lebih kreatif dan proaktif dalam rangka menyampaikan mesej Islam. Ini menunjukkan pelaksanaan gerak kerja dakwah sentiasa ada pembaharuan dan kelestariannya. Oleh itu, mengenal pasti kemahiran komunikasi yang harus dimiliki oleh seseorang pendakwah adalah suatu perkara yang amat penting dalam menjaga kredibiliti pendakwah. Mengambil kira aspek kemahiran komunikasi secara lisan dan bukan lisan juga sebenarnya akan melengkapkan lagi nilai profesional dalam diri pendakwah. Walaupun Zulkifli Ismail (2019) menjelaskan bahawa komunikasi bukanlah teras utama dalam berdakwah, tetapi apabila seseorang itu berkata-kata, menulis atau menyampaikan sesuatu maklumat tanpa ilmu, sudah pastinya hal tersebut akan mencacatkan peribadi akhlak seseorang pendakwah. Dalam hal ini, akhlak menjadi teras kepada kemahiran komunikasi yang tidak dapat dipisahkan. Pengukuran bagi seseorang mad'u adalah keterampilan sikap dan keperibadian pendakwah itu sendiri.

Namun, apakah kemahiran komunikasi dilihat relevan untuk dijadikan sebagai syarat penting sebelum berdakwah? Sekiranya relevan, apakah terdapat proses atau latihan tertentu yang perlu dilalui oleh pendakwah dan bagaimanakah bentuk pelaksanaan yang telah dilaksanakan? Ini bermakna kemahiran adalah suatu perkara yang harus melalui proses pendidikan dan hendaklah dilatih. Setiap latihan perlu kepada penyusunan kerja yang mantap, lebih-lebih lagi dalam aspek komunikasi. Melatih pendakwah untuk mahir dalam komunikasi secara verbal atau non verbal adalah bergantung kepada pendekatan pendakwah itu sendiri atau pihak pengurusan yang mengendalikannya. Apatah lagi elemen kemahiran yang menjurus kepada profesionalisme pendakwah seperti kebolehan, kemampuan dan kepakaran seseorang pendakwah sebenarnya menjadi syarat penting untuk melancarkan segenap urusan kerja dakwah. Kelebihan pendakwah yang dapat memiliki kebolehan dan kemahiran dari segi mental, spiritual, fizikal seperti penguasaan ilmu, kepelbagaian bahasa, jelas dalam penyampaian, tersusun dalam penyediaan isi maklumat serta mahir dalam memanfaatkan media sosial merupakan antara elemen yang akan menyempurnakan lagi kompetensi pendakwah.

PERMASALAHAN KAJIAN

Berdasarkan perbincangan sebelum ini, pendakwah dan kemahiran komunikasi merupakan dua elemen penting yang akan menyempurnakan lagi gerak kerja dakwah. Ini kerana segala perbincangan, perlakuan atau sebarang tindakan yang dipamerkan oleh seseorang pendakwah sebenarnya termasuk dalam konteks kemampuan atau kemahirannya dalam berkomunikasi yang mana hal tersebut akan memberi impak kepada sasaran dakwah. Antara impak yang

dimaksudkan adalah daripada segi afek (emosi), *behavioural* (tingkah laku) dan *cognitive* (fikiran) yang mendorong sasaran dakwah kepada perubahan habit terhadap pendedahan maklumat yang diperolehi (E. Dennis, 1994:31-34; Dawson 2001:3; Mahmood Nazar, 2005:516).

Malah, jika diteliti antara faktor berlakunya kegagalan dalam dakwah adalah berpunca daripada kelemahan pendakwah (Zin, 2015) yang kurang persediaan dan kelengkapan dalam beberapa aspek pelaksanaan dan pengurusan dakwah. Kesan utama yang dapat dilihat daripada masalah kelemahan tersebut adalah dari segi cara komunikasi serta pelaksanaan kerjanya. Alauddin (2016) menyatakan punca sebenarnya adalah kerana kurangnya pengalaman dan kedangkalan ilmu daripada aspek kedalaman kajian dan kebaikan pengetahuan (*'umq al-tajribah wa husn al-fiqh*). Perkara ini menyebabkan pendakwah tidak mampu mengatur dan mempelbagaikan pendekatan sebagai persiapan untuk dirinya dan cara menyantuni sasaran (Abdul Ghani, 2003).

Elemen penting bagi seseorang pendakwah ialah kemahiran komunikasi. Oleh kerana pendakwah juga merupakan salah seorang komunikator aktif, kebarangkalian pendakwah akan menghadapi satu keadaan yang di dalam penyampaian mesejnya bersifat *judgement* (penghukuman). Perkara ini amat penting diingatkan bahawa fitrah dan kemampuan manusia yang mampu bercakap membuatkan ramai penyampai semakin lantang bersuara (Abdul Ghani Shamsuddin, 2007). Dixon, Peter (1997), turut mengulas bahawa perbahasan bersifat *judgement* ini sememangnya tidak dapat dielakkan kerana ianya lebih terarah kepada penerimaan negatif daripada pendengarnya ketika seorang penyampai melontarkan kata. Justeru, untuk menjaga penerimaan baik sasaran dakwah, ilmu dan kesenian dalam aspek pemujukan khususnya perlulah dijadikan asas komunikasi kepada pendakwah untuk menyentuh hati dan membuka pemikiran *mad'u* (sasaran) (Ab. Aziz Mohd Zin & Yusmini Yusoff, 1991).

Oleh sebab itulah Islam menggunakan istilah yang sangat menarik untuk digunakan dalam memberi kefahaman kepada Islam iaitu memujuk, mengajak, menyeru dan membimbing dalam ertikata maksud dakwah. Islam mengharapkan setiap pendakwah menggunakan pendekatan dakwah yang sesuai untuk menarik setiap insan mendekati diri dengan Allah SWT, menyayangi Rasulullah yang telah menunjukkan beberapa pendekatan yang sangat tersusun dan relevan untuk dicontohi sepanjang masa.

OBJEKTIF KAJIAN

1. Mengkaji tentang kemahiran komunikasi dakwah sebagai elemen penting pendakwah.
2. Mengenal pasti pelaksanaan dalam mempertingkatkan aspek kemahiran komunikasi dakwah.
3. Menganalisis tentang kerelevanan pendekatan komunikasi pendakwah masa kini.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah analisis dokumen untuk mendapatkan pengertian atau sesuatu konsep berkenaan kemahiran komunikasi pendakwah menerusi karya klasik dan kontemporari. Seterusnya, hasil daripada pengumpulan data tersebut akan dianalisis menggunakan kaedah

analisis kandungan. Rohana Yusof (2004) dan Krippendorff (2004), menyatakan analisis kandungan merupakan satu teknik penyelidikan dengan membuat kesimpulan secara sistematik dan objektif melalui data berbentuk dokumen. Manakala Othman Lebar (2009) mendefinisikan analisis kandungan sebagai satu penjelasan yang meneliti secara sistematik tentang sesuatu kandungan tersurat berbentuk teks. Perkara ini bertepatan dengan kajian ini yang menganalisis data-data yang dikumpulkan daripada dokumen pendidikan berkaitan komunikasi dakwah.

Justeru, untuk mendapatkan data yang sesuai dengan keperluan objektif, kajian ini memilih kajian penerokaan sebagai asas untuk mengenal pasti kaedah sesuatu situasi dan menghasilkan idea-idea baharu. Menurut Keegan (2001), terdapat tiga kriteria dalam kajian penerokaan. Kriteria-kriteria tersebut ialah pertama, mengenal pasti sesuatu situasi. Kedua, mencari alternatif kepada sesuatu perkara dan ketiga, menghasilkan idea-idea baharu. Merujuk kepada ketiga-tiga kriteria berikut, kajian ini bertepatan dengan semua kriteria yang dinyatakan. Dengan makna kajian ini cuba mengenal pasti sejauh manakah kemahiran komunikasi menjadi aspek penting kepada pendakwah sekali gus menjadi elemen utama dalam profesionalisme pendakwah.

BATASAN KAJIAN

Kajian ini memfokuskan kepada dua bidang yang utama iaitu komunikasi dan dakwah profesionalisme. Setiap daripada bidang tersebut difokuskan pula kepada beberapa aspek yang saling berhubung perkaitannya dengan hasil yang ingin dicapai dalam kajian ini. Dalam bidang komunikasi, antara aspek yang menjadi fokus perbincangannya adalah tertumpu kepada kemahiran-kemahiran yang perlu dimiliki oleh seorang komunikator. Salah satu kemahiran komunikator berjaya adalah terletak pada sikapnya yang mengutamakan penggunaan bahasa yang baik, penyampaian mesej yang tepat serta beretika dalam penggunaan media sosial. Maka, skop perbincangan tentang bahasa, cara penyampaian dan penggunaan media sosial menjadi pilihan bagi kajian ini kerana ia termasuk dalam cara atau pendekatan yang harus dilatih dan dikuasai oleh seorang pendakwah.

Dalam ilmu dakwah, pendakwah adalah satu unsur penting yang akan merealisasikan gerak kerja dakwah. Bagi merealisasi kerja dakwah, pendakwah memerlukan kebolehan atau kemahiran tertentu. Memandangkan tujuan dakwahnya adalah menyampaikan, maka dari segi pelaksanaannya harus bermula dengan persediaan pemilihan metode bahasa dan bentuk penyampaian yang baik, telus dalam mengumpul maklumat yang sahih dan bijak dalam memanfaatkan prasarana komunikasi sesuai dengan keperluan dan keadaan semasa. Maka, skop perbincangan tentang bahasa, cara penyampaian dan penyediaan isi maklumat menjadi fokus utama bagi kajian ini kerana aspek-aspek yang dinyatakan berkait rapat dengan kemahiran yang perlu dimiliki seorang komunikator.

Berdasarkan keselarian yang terdapat dalam kedua-dua bidang komunikasi dan dakwah, dapat dinyatakan bahawa untuk menjadi seorang penyampai memerlukan kemahiran dalam berkomunikasi. Mempunyai kemahiran dalam sesuatu bidang atau pekerjaan bukanlah suatu perkara yang mudah kerana ia perlu kepada latihan yang berterusan. Maka, antara penekanan yang cuba dikaji dalam kajian ini adakah terdapat pendekatan khusus yang perlu dijalani para pendakwah hari ini untuk memahirkan diri mereka dalam aspek-aspek yang dinyatakan. Ini

kerana, penekanan kepada aspek komunikasi dan dakwah inilah yang akan menentukan sejauh mana profesional seorang pendakwah dapat dinilai dalam melaksanakan kerja dakwah.

DEFINISI OPERASIONAL

Bagi menghasilkan satu kajian yang baik, kefahaman dan penerimaan daripada pembaca adalah satu aspek yang perlu dititikberatkan. Oleh yang demikian, bahagian definisi operasional ini bertujuan memberi penerangan terhadap kata kunci yang digunakan bagi menggambarkan pengertian sebenar kajian ini. Kata kunci yang dimaksudkan ialah kemahiran komunikasi dan komunikasi dakwah.

Kemahiran diertikan sebagai kecekapan atau kepandaian. Komunikasi pula adalah terjemahan daripada satu istilah bahasa Inggeris, iaitu *communication*. Pada pandangan John Eric Adair (1973), perkataan *communication* berasal daripada perkataan *communcare* yang bermaksud *to make common* atau mewujudkan persamaan. Bagi mewujudkan persamaan dalam proses komunikasi, ada dua jenis komunikasi yang boleh memastikan mesej-mesej yang disampaikan dapat diterima baik ataupun tidak, iaitu melalui komunikasi secara intrapersonal dan interpersonal.

Komunikasi dakwah secara umumnya adalah suatu proses penyampaian mesej-mesej agama daripada pendakwah kepada sasaran dakwah melalui saluran dan tujuan tertentu. Kajian tentang komunikasi dan dakwah ini dibincangkan adalah untuk menerangkan tentang kepentingan kedua-dua konsep ilmu ini kepada pendakwah. Komunikasi daripada perspektif Islam atau komunikasi dakwah ialah suatu penekanan ke atas nilai, sosial, agama dan kebudayaan serta terhadap penyelidikan secara penglibatan. Komunikasi dakwah menurut Zulkifle Aini, S. Salahudin Suyurno (2020), adalah suatu proses penyampaian dan pertukaran maklumat dengan menggunakan prinsip dan kaedah yang terdapat dalam al-Quran dan al-Hadis.

Proses tersebut adalah untuk mendidik masyarakat tentang hakikat kebenaran Islam dan meletakkan al-Quran dan al-Hadis sebagai sumber rujukan utama dalam menjalankan segala aktiviti kehidupan sama ada daripada aspek akidah, ibadah dan muamalah. Secara umumnya para ilmuan Islam mentakrifkan komunikasi dakwah adalah menjaga kebenaran tentang mesej yang dibawa, baik dari segi berita, perkhabaran atau perkataan, bersifat realiti iaitu bersesuaian dengan fitrah manusia bagi memenuhi keperluan jasmani dan rohani, menggunakan medium yang sesuai dengan keupayaan intelektual kumpulan sasaran dan merangkumi semua cabang kehidupan manusia sesuai dengan ajaran Islam (Zulkiple Abd. Ghani, 2001).

KEMAHIRAN KOMUNIKASI DALAM DAKWAH

Kemahiran bermaksud kecekapan. Komunikasi tidak dapat dipisahkan daripada kehidupan manusia. Komunikasi adalah penghidupan dan untuk berkomunikasi dengan berkesan, seseorang itu perlu memiliki kemahiran dan strategi. Keupayaan dalam berkomunikasi dapat membantu seseorang mencipta kecemerlangan dan meningkatkan potensi diri di samping memberi nilai tambah dalam kualiti kehidupan. Menurut McAuley (1999), komunikasi manusia boleh berlaku dalam tiga tahap iaitu tahap intrapribadi iaitu manusia berkomunikasi dengan diri sendiri, tahap antara pribadi bermaksud komunikasi yang melibatkan dua orang atau

kumpulan kecil seperti berdialog dan tahap individu dengan kumpulan iaitu apabila seseorang mengemukakan idea, perasaan dan maklumat tanpa gangguan kepada satu kumpulan yang lain.

Menurut Munter (2014) pula komunikasi memerlukan strategi bagi memastikan setiap maklumat yang disampaikan memenuhi kehendak pendengar. Terdapat lima strategi komunikasi yang diaplikasikan oleh Munter (2014) iaitu strategi komunikator (*communicator strategy*), strategi penerima komunikasi atau pendengar (*audience strategy*), strategi maklumat yang disampaikan (*message strategy*) strategi pilihan saluran (*channel choice strategy*) dan strategi budaya (*cultural context*). Komunikasi juga menuntut seseorang komunikator menekankan aspek objektif komunikasi, gaya komunikasi dan kredibiliti komunikator.

Manakala jika dilihat dalam komunikasi Islam pula, strategi komunikasi yang berkesan juga telah dilaksanakan oleh Rasulullah SAW sehingga mampu menarik minat orang kafir Quraish terhadap Islam. Rasulullah SAW sebagai komunikator yang sering membuatkan kaum musyrik terdiam, tenang dan mendengar dengan penuh perhatian meskipun sebenarnya mereka sering menentang dakwah Rasulullah SAW. Keprihatinan Rasulullah SAW dalam memahami budaya sesebuah masyarakat dan menyampaikan dakwah mengikut jalan fikiran *mad'u* serta menggunakan intonasi yang dapat memberi kesan terhadap masyarakat menunjukkan Islam memiliki cara tersendiri dalam berkomunikasi (Ghazali, 2014).

Kemahiran komunikasi adalah suatu kebolehan untuk mewujudkan interaksi atau hubungan dengan orang lain melalui perantara tertentu. Kemahiran komunikasi yang dimaksudkan dalam rangka yang lebih luas adalah meliputi kemahiran menulis, membaca, berhujah, mendengar. Etika dalam berkomunikasi, dan juga mempunyai kaitan dengan penggunaan teknologi (Nussabaum, 2007). Berdasarkan kepada arus globalisasi kini, kemahiran komunikasi telah menjadi suatu aspek penting yang amat dititikberatkan supaya dikuasai oleh setiap individu. Menurut Sulaiman (2010), proses komunikasi merupakan tunjang utama dan tidak dapat dielakkan bagi seseorang itu dalam menjalankan aktiviti harian mereka. Ini kerana, proses ini akan terjadi dengan sendirinya apabila wujudnya interaksi antara dua individu tanpa dapat dielakkan (Mohd Dazali & Awang, 2014).

Begitu juga fahamannya dalam konteks komunikasi bagi seorang pendakwah, ketika mengucapkan suatu kenyataan atau melontarkan pandangan semasa berdakwah, ilmu dan kesenian dalam aspek pemujukan khususnya perlulah dijadikan asas komunikasi kepada pendakwah untuk menyentuh hati dan membuka pemikiran *mad'u* (sasaran) (Ab. Aziz Mohd Zin & Yusmini Yusoff, 1991). Pendakwah yang mendalami serta memahami kaedah komunikasi, jelasnya akan menyelamatkan posisi perbincangan dakwah daripada fenomena *judgemental* (bersifat menghukum). Kerana kecenderungan isu *judgemental* dalam kalangan pendakwah sebenarnya lebih mudah dikaitkan kerana pendakwah juga salah seorang komunikator aktif yang sering berhadapan dengan isu-isu masyarakat (Mubasyaroh, 2017). Dibimbangi perkara tersebut turut mencalarakan kredibiliti pendakwah atau sifat *thiqah al-da'iyah*.

ANALISIS DAPATAN KAJIAN

Kemahiran komunikasi merupakan antara elemen penting dalam menjayakan sesuatu program dakwah. Melalui komunikasi, maklumat dapat disampaikan dengan pelbagai cara dan

pendekatan. Pendakwah yang mampu berkomunikasi dengan baik mampu memberi dampak yang besar kepada sasaran jika kemahirannya dalam berkomunikasi sesuai dengan penerimaan sasaran. Bagi mengetahui mengapakah kemahiran komunikasi ini penting kepada pendakwah, berikut adalah perbincangan mendalam tentang kemahiran komunikasi yang mana dimulai dengan konsep kemahiran itu sendiri dan bagaimana ianya menjadi aspek penting kepada nilai profesionalisme pendakwah, berikut adalah perbincangannya.

1. Kemahiran bahasa

Selaras dengan kenyataan Keraf (2000) menunjukkan bahasa sebagai sistem yang abitrari iaitu simbol bunyi bersuara yang membolehkan manusia berkomunikasi. Di samping itu, memberi makna bahasa sebagai simbol bunyi yang membenarkan semua orang dalam budaya ataupun mereka yang mempelajari budaya berkomunikasi. Di samping itu juga, suatu bahasa hendaklah dilengkapi dengan erti, perilaku seseorang serta sopan santun (Djamalul Abidin 1996; Samsuri, 1974). Bahasa yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah penggunaan bahasa dakwah sebagai yang digunakan oleh para pendakwah dalam usaha menyampaikan mesej dakwah kepada masyarakat.

Usaha membina hubungan komunikasi pendakwah bersama masyarakat penting bagi mewujudkan keharmonian dan keserasian bersama antara pendakwah dan sasaran dakwah. Ab. Aziz (2001) menjelaskan bahawa seorang pendakwah perlu menguasai kemahiran dan teknik pendekatan sesuai dengan latar belakang golongan sasaran. Justeru, pendakwah perlu menggunakan bentuk komunikasi dakwah yang sesuai sebagai seorang penyampai dalam usaha mempengaruhi dan memandu penerima berdasarkan ketetapan yang digariskan oleh syariat Islam.

Apabila pendakwah mampu memilih bentuk komunikasi yang betul sesuai dengan keadaan penerima, ia merupakan satu cara memudahkan proses memberi kefahaman tentang mesej yang hendak disampaikan (Asep Syamsul, 2013). Menurut Toto Tasmara (1997) dakwah yang merupakan satu proses komunikasi melalui aspek penyampaian mempunyai bentuk-bentuk komunikasi dakwah khususnya dalam usaha memastikan penerima mesej Islam boleh mengubah sikap dan tingkah lakunya setelah memahami ajaran Islam. Antara bentuk komunikasi dakwah tersebut ialah unsur memujuk dan mempengaruhi sasaran dakwah. Zulkefli dan S. Salahudin (2016) pula berpandangan bahawa bentuk komunikasi dakwah melibatkan komunikasi melalui lisan dan bukan lisan antara pendakwah dengan sasaran dakwahnya.

Dalam konteks komunikasi secara lisan misalnya, proses komunikasi berlaku apabila pendakwah menggunakan medium bahasa pengantar tertentu untuk menyampaikan mesej dakwah kepada penerima melalui saluran lisan seperti pidato, khutbah, dialog dan diskusi. Ini bertepatan dengan kenyataan di dalam al-Quran (Sūrah Ibrāhīm: 4) sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud “Dan kami tidak mengutuskan seorang Rasul melainkan dengan bahasa kaumnya supaya ia menjelaskan (hukum-hukum Allah) kepada mereka. Maka Allah menyesatkan sesiapa yang dikehendaki-Nya (menurut undang-undang peraturannya), juga memberi hidayah petunjuk kepada sesiapa yang dikehendakiNya (menurut undang-undang peraturannya); dan Dialah yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana” (Al-Quran Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Quran 2001).

2. Kemahiran penyampaian

Dakwah dalam konteks hubungan antara pendakwah dengan mad'u ialah melibatkan tatacara komunikasi dan adab seseorang pendakwah yang mengandungi aspek kesempurnaan insan yang menggabungkan unsur al-qalb, al-'aql dan al-nafs (Aini & Suyorno, 2014). Ketiga-tiga aspek ini jika difahami dengan baik oleh pendakwah akhirnya dapat menyumbang perubahan psikologi mad'u ke arah yang lebih berkesan. Dengan itu, komunikasi dakwah dilihat bermula dengan memahami latar belakang dan pemikiran mad'u serta menyesuaikan dengan topik yang disampaikan akan mendorong kesan positif terhadap tindak balas mad'u. Menurut pandangan al-Qardawi (1979), kebijaksanaan Baginda SAW sehingga dapat menarik para mad'u ialah melalui menifestasi kefahaman tentang realiti keadaan sahabat yang meminta nasihat serta pandangan dalam semua sudut seterusnya disesuaikan dengan kandungan dakwah itu sendiri. Ini disebabkan pendekatan yang sesuai dengan sasaran akan mencapai matlamat dakwah iaitu ajaran-ajaran Islam yang diamalkan melalui kefahaman yang benar tanpa sebarang keraguan.

Justeru dalam konteks komunikasi dakwah, dakwah secara *qawl layyin* dapat difahami sebagai dakwah dengan menggunakan kata-kata yang lemah lembut yang boleh dirasakan oleh *mad'u* sebagai sentuhan yang halus tanpa menyentuh kepekaan perasaannya. Dengan cara ini, orang yang zalim dan kasar tidak diberi kesempatan untuk menunjukkan kekasarannya, atau sekurang-kurangnya ia memberi peluang dan ruang kepada pendakwah untuk berkomunikasi secara langsung dengannya. Dapat dibayangkan apabila pendakwah menggunakan pendekatan yang kasar ketika berhadapan dengan sasaran yang terkenal dengan sikap zalim dan bengis, peluang untuk berjumpa, barangkali, sukar diperolehi apatah lagi untuk menyampaikan mesej dakwah.

Sementara itu dalam surah al-Isra' ayat 28, al-Quran menggunakan kalimah *qawlan maysuran* (perkataan yang mudah atau santai) dalam konteks penyampaian mesej dakwah secara sederhana, mudah difahami secara spontan tanpa memerlukan berfikir secara serius (Ibn Manzur t.th). Pendekatan ini sesuai digunakan kepada mad'u yang terdiri daripada masyarakat awam yang memerlukan pertolongan sama ada lantaran kemiskinannya mahu pun ketika ditimpa musibah. Ini kerana al-nafs insan yang berada dalam situasi berkenaan, selalunya, tidak mampu menyantuni maklumat yang diterimanya. Dalam keadaan terdesak seperti itu, dorongan syahwat boleh menjadi dominan sehingga *al-qalb* tidak mampu memahami realiti.

Pendakwah perlu mengetahui strategi yang betul ketika menyampaikan mesej kepada mad'u. Abdullah Hasan (2001), misalnya, mencadangkan tiga bentuk penyampaian mesej iaitu penyampaian untuk mengukuhkan sikap dan kepercayaan mad'u, penyampaian untuk mengubah sikap dan kepercayaan mad'u dan penyampaian untuk mendorong sikap mad'u supaya melakukan sesuatu perbuatan. Justeru, mad'u yang datang ke masjid bukan sahaja tujuannya melakukan ibadah khusus, tetapi dia turut membawa bersama mereka kepercayaan, sikap, nilai-nilai tertentu dan pengalaman hidup masing-masing.

3. Kemahiran penggunaan media sosial

Melihat kepada komunikasi Islam, penggunaan media bagi menyampaikan mesej agama telah digunakan sejak zaman awal Islam lagi iaitu sejak zaman Rasulullah S.A.W ketika itu boleh dikaitkan sebagai media dakwah kerana komunikasi dalam Islam merupakan dakwah iaitu mengajak umat untuk menyakini aqidah dan syariat Islam. (Ghazali, 2008). Setiap mesej dakwah yang disampaikan memerlukan komunikasi dan setiap komunikasi yang dilakukan tersebut perlulah berlandaskan syarak. Hubungan antara komunikasi dan dakwah ini memainkan peranan penting dalam pembentukan masyarakat.

Keupayaan teknologi komunikasi pada ketika ini, membawa fenomena apabila memungkinkan penggunaan aplikasi media sosial dalam pelbagai aspek kehidupan termasuklah aktiviti dakwah. Aplikasi media social seperti facebook, whatsapps, instagram dan twitter, dilihat berpotensi memberi peluang yang meluas terhadap penyebaran mesej dakwah kerana sifatnya yang pantas, langsung ke sasaran, meluas penggunaannya dan lebih global. Dakwah merupakan ajakan atau seruan ke arah penerimaan, penghayatan ajaran dan nilai-nilai Islam. Aspirasi ini dapat direalisasikan melalui pengurusan dan perancangan yang sistematik sesuai dengan saranan Al-Quran supaya dakwah disampai dan disebarluaskan secara hikmah dan teratur (Noor Azaian Abdul Talib, 2017).

Keberadaan teknologi maklumat menjadikan dakwah dapat disampaikan dalam pelbagai bentuk, lebih meluas, dan lebih pantas dalam menyampaikan sesuatu nasihat atau ilmu ke seluruh ceruk dunia (Muhamad Asyraf, Khairul Azhar dan Rushdi, 2013). Penggunaan teknologi komunikasi dalam dakwah Islam bukan semata-mata sebagai pengantara atau alat tetapi berfungsi lebih dari itu. Media dakwah berkembang secara evolusi menjalani fasa-fasa tertentu dan sehingga kini dilihat lebih sistematik dengan reka bentuk yang menarik dilengkapi dengan kombinasi sumber-sumber manusia dan bukan manusia untuk menghasilkan dakwah Islam yang lebih efektif. Media sememangnya diperakui sentiasa memainkan peranan penting sebagai saluran komunikasi. Perkembangan syiar Islam bergantung juga kepada usaha sejauh mana umat dan pendakwah menguasai medium penyebaran maklumat pada zamannya (Noor Shakirah, 2006). Alat dakwah haruslah digunakan sepenuhnya dalam aktiviti dakwah dan penentuan samada baik atau tidak adalah diserahkan kepada pengguna (Aziz, 1995; Noor Azaian Abdul Talib, 2017).

4. Kemahiran komunikasi dakwah interpersonal

Komunikasi antara individu pasti akan dilaksanakan oleh setiap manusia yang hidup di muka bumi. Ini kerana, manusia itu tidak boleh hidup secara bersendirian bahkan mereka hidup bermasyarakat. Ini terbukti berdasarkan kepada sirah nabi yang termaktub dalam al-Quran sama ada dalam menyebarkan dakwah ataupun sebagainya. Sebagai contoh, dalam Dakwah Fardiyyah yang dijalankan oleh nabi jelas menunjukkan berlakunya komunikasi antara individu sama ada ia merupakan ahli keluarganya, kaum kerabatnya mahupun kepada masyarakat umumnya.

Dalam perbincangan Dakwah Fardiyyah, pengkaji telah membuat beberapa pecahan dan bentuk-bentuk dakwah yang terdapat di dalamnya. Ini kerana dalam Da'wah Fardiyyah terdapat beberapa lagi kaedah dan teknik dalam melunaskan dakwah tersebut. Berikut adalah pecahan-pecahan dalam Da'wah Fardiyyah yang pengkaji ketengahkan menerusi kajian ini.

KESIMPULAN

Kajian ini telah memberi tumpuan kepada komunikasi dakwah bagi seorang pendakwah profesional. Setiap pendakwah hendaklah memantapkan diri dengan pendidikan teknik dan keadah penyampaian yang berkesan. Latihan dan tunjuk ajar akan menambahkan pengalaman bagi memantapkan kemahiran bersesuaian dengan keperibadian dan bakat yang sedia ada seseorang pendakwah. Kemahiran komunikasi menggunakan bahasa merupakan asas dalam penyampaian dakwah. Ungkapan yang sederhana, bersahaja, memujuk, merayu, mengajak dan membimbing dengan nada yang positif menjadi daya tarikan kepada kumpulan sasaran. Penyampaian bermotifkan kesedaran, pengetahuan dan pemahaman akan menghasilkan penghayatan. Penggunaan media sosial pada masa kini sangat diperlukan oleh massa sehingga menjadi alat utama dalam penyebaran dan pengembangan ajaran Islam. Para pendakwah juga perlu dilengkapi dengan kemahiran pergaulan dan hidup bersosial sebagai langkah menarik perhatian kumpulan sasaran untuk bersama dalam menghayati ajaran Islam. Dakwah yang dilaksanakan oleh pendakwah profesional seumpama ini akan mendatangkan kesan yang positif dan mampu mendekati semua lapisan masyarakat dan kaum.

RUJUKAN

- 'Abd al-Karim Zaydan. (2002). *Usul Dakwah Islam & Dakwah*. Pntrj. Solehan Ayub. Edisi Bahasa Melayu. Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd.
- Ab. Aziz Mohd Zin & Yusmini Yusoff. (1991). *Asas-asas Teknik Kaunseling Dakwah*. Jurnal Usuluddin, 14: 165-176.
- Ab. Aziz Mohd Zin. (2001). *Metodologi dakwah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Ab. Aziz Mohd Zin. (2015). *Pengantar Dakwah Islamiah*. Penerbit Universiti Malaya.
- Abdullah Hassan. (2001). *Komunikasi untuk Pendakwah: Panduan Mengubah Sikap dan Tingkah Laku Orang Lain*. Bentong: PTS Publications.
- Abu Maswah Nasih. (2009). *Pengurusan Menurut Ajaran Al-Quran*. Kuala Lumpur: Penerbit Serambi Timur Sdn. Bhd.
- Alauddin, B. S. (2016). *Seni Dakwah dan Kontemporari*. Telaga Biru.
- Asep Syamsul M. Romli. (2013). *Komunikasi Dakwah Pendekatan Praktis*. Indonesia.
- Burhanuddin Jalal, Amnah Saayah Ismail, & Sayuti Ab Ghani. (2018). Dinamika Pendakwah Melaksana Dakwah Pelbagai Etnik. *Journal of Education and Social Sciences*, 9(1), 45–51.
- [Everette E. Dennis](#). (1994). *Understanding Mass Communication: A Liberal Arts Perspective*. Houghton Mifflin: Pennsylvania State University.
- Fuziah Kartini Hasan Basri. (1989). Communication Education for The Muslim Scholar: A Need for A Methatheoretical Reassessment.
- John Eric Adair. (1973). *Training for Communication*. Macdonald and Company (Publishers) Limited.
- Krippendorff, K. (2004). *Content Analysis: An Introduction to Its Methodology*. California: SAGE Publications Ltd.

- Mahmood Nazar Mohamed. (2005). *Pengantar Psikologi. Satu Pengenalan Asas kepada Jiwa dan Tingkahlaku Manusia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Nik Siti Khadijah Nik Salleh. (2015). Pengurusan Gaya Motivasi Rasulullah dalam Pendakwah Masa Kini. Prosiding Seminar Pengurusan Islam: Ke Arah Pemantapan Ummah, Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Norizan Ab Ghani, Fadzli Adam & Berhanundin Abdullah. (2019). Factors Influencing the Quality of Life of Malaysian Fishermen. *Journal WSEAS Transactions on Environment and Development*. Volume 15. E-ISSN: 2224-3496, 238-245.
- Othman Lebar. (2017). Penyelidikan Kualitatif Pengenalan Kepada Teori dan Metode. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Rohana Yusof. (2004). Penyelidikan Sains Sosial. Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributors.
- Toto Tasmara. (1997). Komunikasi Dakwah. Jakarta: Penerbit Gaya Media Pratama.
- Zulkifli Ismail. (2019). *Panduan dan Nasihat kepada Pendakwah*. Ar-Rahman TV. <https://youtu.be/CFMFv69vAH8>. Akses pada: 3 Oktober 2021.
- Zulkiple Abd. Ghani. (2003). *Islam, Komunikasi dan Teknologi Maklumat*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.